



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**



1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB** dalam Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA/LAWAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2025/0024	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAHSUAI INFRASTRUKTUR DI KOLEJ MARA (KM) BANTING SELANGOR.	<u>CIDB</u> Gred : G3 (Selangor Sahaja) Kategori: B Pengkhususan: B28	24/04/2025 (Khamis) 11:00 pagi Dewan Kuliah, Kolej MARA Banting, Jalan Labuhan Dagang, Bukit Changgang, 42700 Banting, Selangor.	25/04/2025 (Jumaat) Hingga 02/05/2025 (Jumaat)	RM50.00	08/05/2025 (Khamis) (Sebelum 12.00 tengah hari)
** SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA **						

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendengar taklimat sebutharga dan membeli dokumen.
- SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) oleh CIDB.
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) oleh CIDB
 - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi pendaftaran dan membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **BANK DRAF / KIRIMAN WANG / DEBIT CARD** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** serta melalui <https://bayar.maraeps.my> dan wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang), / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - hari Khamis, (8.30 pagi - 11.45 tengahari), / (2.15 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di atas. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** berdaftar yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan CIDB untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.
6. Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender/Sebutharga Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB dan "Surat Kebenaran Khas menyertai Tender/Sebutharga bagi Gred yang lebih tinggi/rendah" adalah juga tidak diterima
7. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
8. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

9. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti di alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

10. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>.
11. Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
12. Sebarang urusan Sebut Harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.